

RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

ANTIBIOTIK-ANTIBIOTIK BETA-LACTAM

Amoxicillin
Penicillin V
Augmentin
Unasyn
Cloxacillin
Cefuroxime
Cephalexin



MENGENAI ubat anda

Antibiotik-antibiotik beta-lactam boleh digunakan dalam jangkitan-jangkitan saluran pernafasan, saluran pembiakan atau kencing dan saluran gastrik dan usus, kulit dan tisu lembut, saluran hempedu, tulang dan jangkitan pelvis, gonorrhoea, penghapusan Helicobacter Pylori di dalam ulser duodenum dan perut serta pencegahan jangkitan darah dan jantung yang disebabkan oleh pembedahan di kalangan pesakit yang berisiko tinggi.

BAGAIMANA saya mengambil ubat?

Ambil ubat ini dengan makanan atau selepas makan.

Semua antibiotik yang dipreskripsi patut dihabiskan walaupun anda mungkin sudah berasa lebih baik atau simptom-simptom anda sudah reda kerana rawatan yang tidak mencukupi boleh menyebabkan jangkitan berulangan atau terjadinya rintangan terhadap rawatan. Namun, jika anda terdapat sebarang tindakan alahan seperti ruam, mata Bengkak atau susah bernafas, berhenti makan ubat dan jumpa doktor anda.

Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Ambil dos yang terlupa sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, biarkan sahaja dos yang terlupa dan mengambil dos berikutnya seperti yang dijadualkan. Jangan gandakan dos anda untuk menggantikan dos yang terlupa.

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN untuk ubat ini?

Kesan-kesan sampingan yang mungkin termasuk mual, muntah, sakit perut dan cirit-birit. Jumpa doktor dengan segera jika anda terdapat ruam kulit, muka Bengkak atau susah bernafas, demam atau menggilir, kebas, rasa jarum cucuk pada jari-jari tangan dan kaki.

Apakah LANGKAH yang patut saya awasi?

Beritahu doktor jika anda ada alahan terhadap penicillin atau ubat-ubat lain.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat?

Simpan ubat di tempat yang kering dan dingin. Lindungi ubat daripada kelembapan, haba dan cahaya matahari.

